

13/12/1998

Perhimpunan Agung khas Umno hari ini

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Agung Khas Umno yang dihadiri 2,017 perwakilan hari ini akan memfokuskan kepada pindaan perlembagaan membabitkan cadangan mewujudkan fasal baru dan menghapuskan undi bonus.

Antara cadangan pindaan ialah menetapkan syarat baru bagi seseorang ahli Umno layak menjadi calon pilihan raya atau bertanding jawatan dalam parti, bertujuan memastikan calon berkenaan benar-benar mempunyai semangat Umno yang kukuh.

Selain itu, ada cadangan untuk menetapkan 30 peratus pencalonan bagi ahli yang ingin bertanding jawatan presiden dan Umno kini mempunyai 165 bahagian di Semenanjung dan Sabah.

Bagi yang ingin bertanding jawatan Timbalan Presiden, calon perlu mendapat 20 peratus pencalonan manakala jawatan Naib Presiden sekurang-kurangnya 15 peratus pencalonan.

Calon yang ingin bertanding Majlis Tertinggi (MT) pula perlu mendapatkan 5 peratus pencalonan, berbanding sekarang yang memerlukan dua pencalonan saja.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan perhimpunan itu.

Cadangan pindaan itu akan dibentangkan oleh Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak manakala penggulingnya pula dilakukan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kali terakhir perhimpunan agung khas diadakan empat tahun lalu dengan menumpukan mengenai larangan politik wang.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sabbaruddin Chik, berkata perhimpunan khas itu bertujuan menghapus atau mengurangkan penggunaan wang dalam pemilihan parti selain memantapkan semangat Umno.

Ia selaras dengan tujuan perhimpunan itu akan memberi peluang kepada perwakilan untuk bercakap dan membuat keputusan berhubung pindaan itu bergantung kepada persetujuan perwakilan.

Mengikut cadangan pindaan itu, ahli yang digantung hanya boleh memohon menyertai semula Umno selepas dua tahun manakala mereka yang dipecat dibenar memohon selepas tiga tahun.

(END)